



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 W.P. PUTRAJAYA**

**Telefon : 03-8891 5555  
Fax : 03-8891 5557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : [://www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [kpkt\\_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [KPKTMalaysia](https://www.facebook.com/KPKTMalaysia)**

---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 ( 4 )  
Tarikh: 21 Jun 2012

## **SIARAN MEDIA**

### **DEWAN JUBLI PERAK MPKK SEMPENA PERAYAAN HARI KEPUTERAAN DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK KE-84**

Kuala Kangsar, 21 Jun 2012 – Y.B. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengiringi DYMM Paduka Seri Sultan Perak ke-84 untuk merasmikan Dewan Jubli Perak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pada pagi ini.

Dewan Jubli Perak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar ini dibina dengan kos berjumlah RM14.72 juta. Kerja pembinaan dimulakan pada 13 April 2008 dan siap sepenuhnya pada 7 September 2011. Daripada kos tersebut, sebanyak RM7 juta adalah daripada sumber peruntukan Kerajaan Persekutuan. Projek dewan ini adalah peruntukan Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) sebanyak RM316.36 juta bagi melaksanakan 6,173 buah projek di 15 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak

Dengan adanya dewan ini, penduduk setempat dan sekitarnya akan menikmati kemudahan bagi tujuan kemasyarakatan, riadah dan aktiviti sukan. Turut mencemar duli ke majlis ialah Duli Yang Maha Mulia, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim, Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir Perak, Raja Jaafar bin Raja Muda Musa dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak, Raja Nor Mahani binti Raja Shahar Shah.

Selain daripada itu Y.A.B. Menteri Besar Perak dan isteri, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Yang Berbahagia Datin, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, Orang Besar-Orang Besar Negeri dan Orang Besar-Orang Besar Jajahan dan Toh Puan-Toh Puan serta Ketua-ketua Jabatan Persekutuan & Negeri turut hadir di majlis ini,

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)